



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Dadah berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)
(Pindaan) 1985**

DR.38/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia telah diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa diancam oleh sekumpulan orang yang substansial di dalam dan di luar Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu tindakan itu dihentikan;

MAKA, OLEH HAL YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan **INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1985 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) seksyen 13 dan dalam subseksyen (2) seksyen 14.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 316.

2. Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan, selepas takrif "Menteri", takrif-takrif baru yang berikut:

“Ordinan” ertiina Ordinan
Ord. 5/69. Darurat (Ketenteraman Awam dan
P.U. (A) Mencegah Jenayah) 1969;
187/69.

“Pegawai Penjaga Daerah Polis”
mempunyai erti yang diberikan
kepada ungkapan “Pegawai Penjaga
Daerah Polis” oleh Kanun Prosedur
Jenayah; dan

N.M.B.
Bab 5.

(b) dengan memotong takrif “pegawai kanan polis”.

Pindaan
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (3), subseksyen baru (3A) seperti yang berikut:

“(3A) Jika orang yang ditangkap dan ditahan di bawah subseksyen (1) ialah seorang yang ber-
kenaan dengannya subseksyen (5) seksyen 6 ter-
pakai, laporan lengkap penyiasatan yang disebut
dalam subseksyen (3) berkenaan dengan orang itu
boleh mengandungi apa-apa jua pernyataan, doku-
men, maklumat, atau apa-apa jua benda atau
bahan lain, yang telah diperoleh semasa sesuatu
siasatan berkenaan dengan orang itu dijalankan
oleh seseorang pegawai polis di bawah seksyen 3
Ordinan bagi maksud perintah tahanan di bawah
seksyen 4, atau perintah sekatan di bawah seksyen
4A, mengikut mana yang berkenaan, Ordinan, ter-
hadapnya, tanpa mengambil kira bahawa per-
nyataan, dokumen, maklumat, atau benda lain atau
bahan lain itu telah diperoleh mengikut cara yang
tidak selaras dengan atau yang tidak mematuhi
kehendak-kehendak seksyen 4, dan tidaklah perlu
sesuatu pernyataan diambil di bawah seksyen 4
bagi maksud laporan sedemikian berkenaan
dengan orang itu, tetapi jika sesuatu pernyataan
diambil di bawah seksyen 4, ia hendaklah juga di-
masukkan ke dalam laporan sedemikian berkenaan
dengan orang itu.”.

4. Seksyen 4 Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (5), subseksyen baru (6) seperti yang berikut: Pindaan seksyen 4.

“(6) Peruntukan-peruntukan terdahulu seksyen ini tidaklah menjejaskan peruntukan-peruntukan subseksyen (3A) seksyen 3.”

5. (1) Seksyen 6 Akta ini adalah dipinda—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan-perkataan “restricted order” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “restricted person”; Pindaan seksyen 6.

(b) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen (5) yang berikut:

“(5) Sesuatu perintah tahanan di bawah subseksyen (1), atau sesuatu perintah sekatan di bawah subseksyen (3), boleh dibuat terhadap seseorang walaupun sebaik sahaja, atau pada bila-bila masa, sebelum dia ditangkap dan ditahan di bawah subseksyen (1) seksyen 3—

(a) dia telah ditahan di bawah suatu perintah tahanan yang dibuat di bawah seksyen 4, atau telah menjadi tertakluk kepada suatu perintah sekatan yang dibuat di bawah seksyen 4A, Ordinan atas alasan-alasan yang sama atau yang serupa kesemuanya atau sebahagian daripadanya dengan alasan-alasan yang atasnya perintah tahanan di bawah subseksyen (1) atau perintah sekatan di bawah subseksyen (3) akan dibuat terhadapnya; dan

(b) dia telah dilepaskan daripada tahanan sama ada apabila jangka masa perintah tahanan tersebut yang dibuat di bawah seksyen 4 Ordinan terhadapnya habis tempoh, atau dengan apa-apa jua cara lain sebelum habis tempoh tersebut, atau dia telah terhenti daripada menjadi tertakluk kepada perintah sekatan

tersebut yang dibuat di bawah seksyen 4A Ordinan terhadapnya sama ada apabila jangka masa perintah sekatan itu habis tempoh, atau dengan apa-apa jua cara lain sebelum habis tempoh tersebut.”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “atau (5)” dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan “atau di bawah subseksyen (1) seksyen 11A”.

(2) Jika sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, dan, oleh itu, sebelum subseksyen (5) seksyen 6 Akta ibu diganti di bawah perenggan (b) subseksyen (1), sesuatu perintah tahanan atau perintah sekatan yang dibuat berkenaan dengan seseorang, masing-masing di bawah seksyen 4 atau 4A Ordinan, dikatakan telah diarahkan oleh Menteri supaya dilanjutkan di bawah subseksyen (5) seksyen 6 Akta ibu sebagaimana subseksyen itu berbunyi pada masa itu, maka—

(a) arahan yang dikatakan bagi perlanjutan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah tahanan yang sah dan menurut undang-undang yang dibuat di bawah subseksyen (1), atau suatu perintah sekatan yang sah dan menurut undang-undang yang dibuat di bawah subseksyen (3), mengikut mana yang berkenaan, seksyen 6 Akta ibu menurut subseksyen (5) seksyen 6 itu sebagaimana yang diganti di bawah perenggan (b) subseksyen (1), seolah-olah subseksyen (5) yang diganti sedemikian telah berkuatkuasa pada tarikh Akta ibu mula berkuatkuasa, dan seolah-olah semua kehendak Akta ibu bagi pembuatan perintah itu telah dipatuhi dan dilaksanakan sewajarnya;

(b) peruntukan-peruntukan seksyen 9 dan 10 Akta ibu adalah terpakai dalam hal mana-mana arahan yang dikatakan sedemikian yang disifatkan di bawah perenggan (a) sebagai suatu perintah tahanan yang sah dan menurut undang-undang yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6 Akta ibu, dan peruntukan-peruntukan subseksyen (2) seksyen 9 Akta ibu

hendaklah, walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (2) itu, dipatuhi berhubung dengan arahan itu dengan seberapa segera yang boleh selepas Akta ini mula berkuatkuasa, tanpa mengambil kira bahawa peruntukan-peruntukan itu mungkin telah dipatuhi terdahulu pada masa arahan yang dikatakan itu disampaikan kepada orang yang kepadanya arahan itu berkaitan; dan

- (c) sesuatu penahanan orang sedemikian sebelum tarikh arahan yang dikatakan itu yang bukan suatu penahanan di bawah suatu perintah tahanan yang dibuat di bawah seksyen 4 Ordinan hendaklah disifatkan sebagai penahanan yang sah dan menurut undang-undang di bawah seksyen 3 Akta ibu.

6. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “subseksyen (4) atau (5) seksyen 6” dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “subseksyen (1) seksyen 6 atau di bawah subseksyen (1) seksyen 11A”.

Pindaan
seksyen 7.

7. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 8.

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memotong perkataan “yang” dalam perenggan (b); dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “subseksyen (5) seksyen 6” dengan perkataan-perkataan “subseksyen (1) seksyen 11A”.

8. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 11.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “(1), (3) atau (5) seksyen 6 atau di bawah seksyen 7” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “(1) atau (3) seksyen 6, atau di bawah seksyen 7, atau di bawah subseksyen (1) seksyen 11A,”; dan

- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “atau dilanjutkan” dan perkataan-perkataan “atau dilanjutkan” dalam subseksyen (4).

Seksyen
baru 11A
dan 11B.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 11, seksyen baru 11A dan 11B seperti yang berikut:

“Kuasai
Menteri
melanjut-
kan
perintah
tahanan,
perintah
sekatan,
atau
perintah
tahanan
yang
digantung.

11A. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa sebelum jangka masa—

- (a) sesuatu perintah tahanan yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6;
- (b) sesuatu perintah sekatan yang dibuat di bawah subseksyen (3) seksyen 6; atau
- (c) sesuatu perintah tahanan yang digantung di bawah subseksyen (1) seksyen 7 (kemudian daripada ini disebut “perintah tahanan yang digantung”),

habis tempoh, mengarahkan supaya jangka masa perintah itu dilanjutkan selama suatu tempoh selanjutnya, yang tidak melebihi dua tahun, sebagaimana yang ditentukan olehnya, bermula sebaik sahaja jangka masa semasa pada waktu itu habis tempoh, dan jika Menteri mengarahkan sedemikian dia hendaklah menyatakan dalam arahan itu alasan-alasan bagi perlanjutan itu dan menyatakan sama ada alasan-alasan itu—

- (aa) sama dengan alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya;
- (bb) berlainan daripada alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat asalnya; atau
- (cc) sebahagiannya alasan-alasan yang sama dan sebahagiannya alasan-alasan yang berlainan.

(2) Jika jangka masa sesuatu perintah tahanan yang digantung dilanjutkan di bawah subseksyen (1), jangka masa arahan bagi penggantungannya di bawah subseksyen (1) seksyen 7 hendaklah disifatkan telah dilanjutkan selama jangka masa perlanjutan perintah tahanan yang digantung itu bersama dengan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan berkenaan dengan penggantungan itu, tertakluk, jika Menteri mengarahkan

sedemikian, kepada kehendak bahawa orang yang terhadapnya perintah tahanan itu dibuat hendaklah mengikat suatu bon baru sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (4) seksyen 6, dan peruntukan-peruntukan seksyen 7 hendaklah terpakai mengenai penggantungan yang dilanjutkan itu mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai mengenai penggantungan asal di bawah subseksyen (1) seksyen 7.

(3) Jika arahan di bawah subseksyen (1) bagi perlanjutan jangka masa sesuatu perintah tahanan atau sesuatu perintah tahanan yang digantung adalah atas alasan-alasan yang termasuk di bawah perenggan (bb) atau (cc) subseksyen (1), peruntukan-peruntukan seksyen 9 dan 10 hendaklah terpakai mengenai arahan itu seolah-olah arahan itu adalah suatu perintah tahanan baru.

(4) Jangka masa sesuatu perintah tahanan, atau perintah sekatan, atau perintah tahanan yang digantung, yang dilanjutkan di bawah subseksyen (1) boleh, selepas itu, dilanjutkan lagi dari semasa ke semasa selama tempoh-tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dua tahun pada sesuatu masa, dan peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* berhubung dengan setiap perlanjutan sedemikian.

Kuasa
Menteri
membatal-
kan
perintah
tahanan
atau
perintah
sekatan
atau
perintah
tahanan
yang
digantung;
atau arahan
bagi
perlanjutan
mana-mana
perintah
sedemikian.

11B. Walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perintah tahanan yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6, atau mana-mana perintah sekatan yang dibuat di bawah subseksyen (3) seksyen 6, atau mana-mana perintah tahanan yang digantung, atau mana-mana arahan di bawah subseksyen (1) seksyen 11A bagi perlanjutan jangka masa mana-mana perintah sedemikian, jika difikirkannya adil atau patut berbuat demikian.”

Pindaan
seksyen 15.

10. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “, atau di bawah subseksyen (1) seksyen 11A,” selepas perkataan-perkataan “seksyen 6” dalam subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 16.

11. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau di bawah subseksyen (1) seksyen 11A,” selepas perkataan-perkataan “seksyen 6,” dalam subseksyen (1); dan

(b) dengan memasukkan perkataan-perkataan “, atau di bawah subseksyen (1) seksyen 11A,” selepas perkataan-perkataan “seksyen 6” dalam subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 18.

12. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “, atau sesuatu arahan di bawah subseksyen (1) seksyen 11A,” selepas perkataan-perkataan “seksyen 6” dalam subseksyen (1).

Pindaan
seksyen 22.

13. (1) Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (3).

(2) Subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh Akta ibu mula berkuatkuasa.

Seksyen
baru 23,
24 dan 25.

14. (1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 22, seksyen baru 23, 24 dan 25 seperti yang berikut:

“Perunda-
ngan
subsidiari
yang dibuat,
dan arahan
yang diberi,
di bawah
Ordinan
mempunyai
kuatkuasa
di bawah
Akta ini.

23. (1) Semua kaedah dan peraturan yang dibuat, dan arahan yang diberikan, di bawah Ordinan dan yang berkuatkuasa sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah, setakat yang ia tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, disifatkan telah dibuat atau diberikan di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai kuasa membuat atau memberikan kaedah, peraturan atau arahan itu di bawah Akta ini (tanpa mengambil kira sama ada kuasa di bawah Akta ini dinyatakan sebagai kuasa untuk membuat kaedah atau kuasa untuk membuat peraturan bagi perkara yang berkenaan), dan hendaklah, oleh itu, mempunyai kuatkuasa bagi maksud-maksud Akta

ini dengan semua ubahsuaian yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan-peruntukan Akta ini, sehingga ia digantikan dengan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan atau arahan-arahan yang dibuat atau diberikan di bawah Akta ini oleh pihak berkuasa yang berkenaan yang mempunyai kuasa membuat atau memberikan kaedah, peraturan atau arahan itu di bawah Akta ini.

(2) Pada memakai peruntukan-peruntukan subseksyen (1), peruntukan-peruntukan—

(a) proviso kepada subseksyen (3) seksyen 4;

(b) proviso pertama kepada subseksyen (3) seksyen 5; dan

(c) subseksyen (3) seksyen 13G,

Ordinan hendaklah juga terpakai *mutatis mutandis* berhubung dengan Akta ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai berhubung dengan Ordinan.

Penghapusan
kesulitan.

24. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat peruntukan yang difikirkannya perlu atau bermanfaat untuk mengadakan peruntukan bagi menghapuskan apa-apa jua kesulitan atau anomali dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau dalam melaksanakan apa-apa fungsi, menjalankan apa-apa kuasa, atau menunaikan apa-apa kewajipan, atau melakukan apa-apa perbuatan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang disebabkan oleh peruntukan-peruntukan Akta ini, dan bagi maksud itu Perintah yang sedemikian boleh membuat apa-apa jua pengubahsuaian, pepadanan, pengubahan, penukaran atau pindaan kepada mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Dalam subseksyen (1) “undang-undang bertulis” meliputi Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang disebut dengan nyata dalam Akta ini.

Akta ini tidak mengurangkan Ordinan.

25. Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa yang terkandung dalam Akta ini boleh, dengan apa-apa cara jua pun, mengurangkan peruntukan-peruntukan Ordinan dalam pemakaiannya mengenai mana-mana orang yang pernah atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.”.

Akta 234.

(2) Seksyen baru 23 dan 25 yang dimasukkan ke dalam Akta ibu oleh subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh Akta ibu mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan seksyen 25 yang disebut terdahulu itu tidaklah, selepas sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, menjejaskan subseksyen (3A) seksyen 3, subseksyen (6) seksyen 4, dan subseksyen (5) seksyen 6 Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini, dan tidak juga menjejaskan subseksyen (2) seksyen 5 Akta ini.

Pengesahan perbuatan atau benda yang dilakukan di bawah kuasa atau yang berupa sebagai kuasa Akta ibu.

15. (1) Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa dalam tempoh di antara tarikh Akta ibu mula berkuatkuasa dengan tarikh Akta ini disiarkan dalam *Warta* (kemudian daripada ini disebut “tempoh peralihan”) tiap-tiap perbuatan atau benda yang dilakukan oleh, atau bagi pihak, atau di bawah kuasa atau arahan, Menteri, Lembaga Penasihat atau seseorang anggota Lembaga Penasihat, seseorang Pegawai Siasatan, mana-mana pegawai polis, atau mana-mana orang lain jua pun, yang bertindak atau berupa sebagai bertindak pada menjalankan apa-apa kuasa, atau melaksanakan apa-apa fungsi, atau menunaikan apa-apa kewajipan, yang diberikan atau yang berupa sebagai telah diberikan oleh Akta ibu, termasuk tiap-tiap perbuatan atau benda yang berikutan

yang dilakukan dalam tempoh peralihan itu sebagai meneruskan, melanjutkan atau bersebab daripada, perbuatan atau benda yang asal, hendaklah disifatkan sentiasa dan pada setiap masa, kedua-duanya semasa dan selepas tempoh peralihan itu, sebagai dilakukan dan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang, tanpa mengambil kira sama ada perbuatan atau benda itu telah dilakukan menurut peruntukan-peruntukan Akta ibu atau tidak, dan tanpa mengambil kira apa-apa kekurangan, kecacatan, kelemahan atau kesamaran dalam mana-mana peruntukan Akta ibu berhubung dengan pelakuan perbuatan atau benda itu.

(2) Tiap-tiap perbuatan atau benda yang asal atau yang berikutan yang dilakukan dalam tempoh peralihan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) boleh, selepas Akta ini mula berkuatkuasa, terus dilakukan, atau diambil tindakan ke atasnya selanjutnya, atau diperlakukan selainnya, dengan sah dan menurut undang-undang di bawah Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(3) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) dan (2) adalah sebagai tambahan kepada, dan bagi memperluaskan, dan bukan bagi mengurangkan, peruntukan-peruntukan subseksyen (2) seksyen 5, dan, oleh itu, "perbuatan atau benda" yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah meliputi sesuatu arahan yang dikatakan yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 5.

16. (1) Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua prosiding undang-undang yang lain walau apa pun jenis atau bentuknya boleh dibawa, dimulakan atau disenggara atas apa-apa alasan terhadap—

Tanggung
rugi.

(a) Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri;

(b) Menteri, Lembaga Penasihat atau seseorang anggota Lembaga Penasihat, seseorang Pegawai Siasatan, mana-mana pegawai polis, atau mana-mana orang lain, sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) seksyen 15, sama ada sendiri atau atas sifat rasminya; atau

(c) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak, atau di bawah kuasa atau arahan, mana-mana Kerajaan atau orang yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), sama ada sendiri atau atas sifat rasminya,

bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan—

(aa) apa-apa perbuatan atau benda yang asal atau yang berikutan yang disebut dalam subseksyen (1) seksyen 15 yang dilakukan dalam tempoh peralihan; atau

(bb) apa-apa perbuatan atau benda yang terus dilakukan, atau diambil tindakan ke atasnya selanjutnya, atau diperlakukan selainnya, selepas Akta ini mula berkuatkuasa, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) (2) seksyen 15.

(2) Peruntukan-peruntukan subseksyen (1) hendaklah terpakai mengenai mana-mana tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua prosiding undang-undang lain, yang disebut dalam subseksyen (1), yang telah dibawa, dimulakan atau disenggara sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai mengenai mana-mana tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua prosiding undang-undang lain, yang disebut dalam subseksyen (1), yang dibawa, dimulakan atau disenggara selepas Akta ini mula berkuatkuasa, tetapi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) tidak terpakai mengenai mana-mana prosiding undang-undang sedemikian yang telah ditamatkan dan keputusan muktamad mahkamah berkenaan dengannya telah diberikan sebelum Akta ini mula berkuatkuasa, atau mengenai mana-mana rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan membuat peruntukan-peruntukan tertentu berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pindaan-pindaan itu.

2. *Fasal 5 (1) (b)* Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan subseksyen (5) seksyen 6 Akta dengan subseksyen (5) yang baru yang membolehkan suatu perintah tahanan atau suatu perintah sekatan dibuat di bawah Akta terhadap seseorang yang telah

ditahan sebelumnya di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, walaupun alasan-alasan bagi perintah itu adalah sama atau serupa kesemuanya atau sebahagian daripadanya dengan alasan-alasan yang berdasarkannya dia telah ditahan atau disekat di bawah Ordinan itu. *Fasal 3* dan *4* Rang Undang-Undang membuat pindaan-pindaan yang berbangkit kepada seksyen 3 dan 4 Akta bagi membolehkan pernyataan, dokumen, maklumat atau benda-benda dan bahan-bahan yang lain yang diperoleh berkenaan dengan orang itu dalam perjalanan siasatan di bawah Ordinan digunakan bagi maksud laporan penyiasatan berkenaan dengan orang itu di bawah Akta.

3. *Fasal 5 (2)* Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan bahawa apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri di bawah Akta sebelum Akta pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang ini mula berkuatkuasa, yang merupakan suatu arahan bagi perlanjutan suatu perintah tahanan atau perintah sekatan yang dibuat di bawah Ordinan, hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah tahanan atau perintah sekatan yang sah dan menurut undang-undang, mengikut mana yang berkenaan, yang dibuat di bawah Akta sebagaimana yang dicadangkan dipinda di bawah Rang Undang-Undang ini, dan bahawa, dalam hal perintah tahanan, orang yang mengenainya arahan itu berkaitan adalah mempunyai hak untuk membuat representasi-representasi berkenaan dengannya kepada Lembaga Penasihat.

4. *Fasal 9* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 11A dan 11B ke dalam Akta.

Seksyen baru 11A bertujuan membuat peruntukan supaya jangka masa sesuatu perintah tahanan, atau perintah sekatan, atau perintah tahanan yang digantung, dilanjutkan oleh Menteri dari semasa ke semasa selama tempoh-tempoh yang tidak melebihi dua tahun pada sesuatu masa. Perlanjutan itu boleh atas alasan-alasan yang sama seperti yang sebelumnya, atau atas alasan-alasan yang berlainan, atau sebahagiannya atas alasan-alasan yang sama dan sebahagiannya pula atas alasan-alasan yang berlainan. Jika perlanjutan sesuatu perintah tahanan itu adalah atas alasan-alasan yang berlainan atau sebahagiannya atas alasan-alasan yang sama dan sebahagiannya pula atas alasan-alasan yang berlainan, orang yang mengenainya perintah itu berkaitan mempunyai hak membuat representasi-representasi kepada Lembaga Penasihat berkenaan dengan perlanjutan itu.

Seksyen baru 11B bertujuan memberi kuasa kepada Menteri membatalkan mana-mana perintah tahanan, atau mana-mana perintah sekatan, atau mana-mana perintah tahanan yang digantung, atau mana-mana arahan bagi perlanjutan mana-mana perintah sedemikian, pada bila-bila masa jika difikirkannya adil atau patut berbuat demikian.

5. *Fasal 14* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan seksyen baru 23, 24 dan 25 ke dalam Akta.

Seksyen baru 23 bertujuan membuat peruntukan supaya kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dibuat atau diberikan di bawah Ordinan yang disebut terdahulu berkuatkuasa bagi maksud-maksud Akta seolah-olah ia telah dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan di bawah Akta sehingga ia diganti di bawah Akta. Seksyen ini akan mempunyai kuatkuasa kebelakangan mulai dari tarikh Akta mula berkuatkuasa.

Seksyen baru 24 memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah-Perintah bagi menghapuskan apa-apa kesulitan atau anomali dalam mana-mana undang-undang bertulis disebabkan oleh peruntukan-peruntukan Akta.

Seksyen baru 25 bertujuan mengisytiharkan, bagi mengelakkan keraguan, bahawa peruntukan-peruntukan Akta tidaklah mengurangkan peruntukan-peruntukan Ordinan yang disebut terdahulu dalam pemakaiannya mengenai mana-mana orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Seksyen ini akan mempunyai kuatkuasa kebelakangan mulai dari tarikh Akta mula berkuatkuasa, tetapi tanpa menjejaskan perjalanan pindaan-pindaan tertentu yang hendak dimasukkan ke dalam Akta oleh Rang Undang-Undang ini, berhubung dengan orang-orang yang telah ditahan atau disekat di bawah Ordinan yang tersebut.

Akta 234.

6. *Fasal 15* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai pengesahan perbuatan-perbuatan dan benda-benda yang dilakukan dalam tempoh di antara berkuatkuasanya Akta ibu dengan berkuatkuasanya Akta pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang ini oleh orang-orang dan pihak-pihak berkuasa yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah kuasa Akta ibu, atau oleh orang-orang yang bertindak bagi pihak mereka atau di bawah kuasa atau arahan mereka, dan *fasal 16* Rang Undang-Undang oleh itu, bertujuan membuat peruntukan mengenai tanggung rugi yang perlu berhubung dengan prosiding undang-undang yang berkenaan dengan perbuatan-perbuatan atau benda-benda itu.

7. *Fasal 2, 5 (1) (a) dan (c) 6, 7, 8, 10, 11, 12 dan 13* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit dan pindaan-pindaan kecil tertentu kepada Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1364.]